

## SURAH KEMENANGAN



Surah: 48 Juzuk: 26 Bil. Ayat: 29

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Sesungguhnya Kami telah memberi kemenangan<sup>(1)</sup> kepadamu (wahai Muhammad) dengan kemenangan yang nyata.
2. Agar Allah mengampunkan kesalahanmu yang lalu dan yang kemudian dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta memimpinmu ke jalan yang lurus.
3. Dan Allah memberikan pertolongan kepadamu dengan pertolongan yang mulia.
4. Dialah yang menurunkan ketenangan ke dalam hati orang yang beriman untuk menambahkan iman atas keimanan mereka yang sedia ada, dan Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi<sup>(2)</sup> (untuk menolong mereka) dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾

لِيَغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ  
وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا  
مُسْتَقِيمًا ﴿٢﴾

وَيَبْصُرَكَ اللَّهُ نُصْرًا عَظِيمًا ﴿٣﴾

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ  
لِيَزِيدُوا إِيْمَانًا مَعَ إِيْمَانِهِمْ ۗ وَلِلَّهِ جُودُ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٤﴾

1 Menurut pendapat sebahagian ahli tafsir, kemenangan itu ialah kemenangan penaklukan Mekah, ada yang mengatakan penaklukan negeri Romawi, dan ada juga yang mengatakan Perdamaian Hudaibiyah. Tetapi kebanyakan ahli tafsir berpendapat kemenangan di sini ialah Perdamaian Hudaibiyah.

2 Tentera langit dan bumi ialah penolong yang dijadikan Allah untuk orang yang beriman seperti para malaikat, binatang-binatang, angin taufan dan sebagainya.

5. Agar Dia memasukkan orang yang beriman sama ada lelaki mahupun perempuan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya, serta Dia menghapuskan dosa mereka. Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar di sisi Allah.
6. Dan Dia mengazab orang munafik sama ada lelaki mahupun perempuan, dan orang musyrik lelaki dan perempuan yang berprasangka buruk terhadap Allah. Mereka akan mendapat giliran azab yang buruk. Allah memurkai dan melaknat mereka serta menyediakan neraka Jahannam untuk mereka. Neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.
7. Allah memiliki tentera-tentera langit dan bumi. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
8. Sesungguhnya Kami telah mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai Rasul yang menjadi saksi dan sebagai penyampai berita gembira (kepada orang yang beriman), serta pemberi peringatan (kepada orang yang ingkar).
9. Agar engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan rasulNya, dan supaya kamu

لِيَدْخُلَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَيُكَفَّرُ عَنْهُمْ سِعَتُهُمْ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ قُرْآنًا عَظِيمًا ﴿٥﴾

وَيُعَذِّبُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّالِمِينَ بِاللَّهِ ظَلَمَ السَّوْءَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٦﴾

وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٧﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٨﴾

لِيُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَنُعَزِّرُوهُ وَنُقْضِيَهُمْ لِيُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٩﴾

menguatkan agamanya serta memuliakannya, dan supaya kamu bertasbih kepadanya pada waktu pagi dan petang.

10. Sesungguhnya orang yang berjanji setia kepadamu (Muhammad), sesungguhnya mereka hanya berjanji setia kepada Allah. Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka.<sup>(1)</sup> Maka sesiapa yang melanggar janji, maka sesungguhnya dia melanggar (janjinya) sendiri. Dan sesiapa yang menepati janjinya kepada Allah, maka Dia akan memberikan kepadanya pahala yang besar.
11. Orang Arab Badwi yang tertinggal (tidak mengikutmu ke Hudaibiyah), akan berkata kepadamu (wahai Muhammad): «Kami telah dihalang oleh urusan menjaga keselamatan harta-benda dan anak isteri kami. Maka pohonlah keampunan untuk kami». Mereka berkata dengan lidahnya apa yang tiada dalam hatinya. Katakanlah: «Maka siapakah yang berkuasa menahan kamu daripada menerima sesuatu ketetapan daripada Allah jika Dia tetapkan kamu akan ditimpa bahaya atau mendapat manfaat? Bahkan

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ  
اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَتَ  
فَأَلَمَّا يَتُوكَ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا  
عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٠﴾

سَيَقُولُ لَكَ الْمُخَلَّفُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ  
شَغَلْنَا أَمْوَالَنَا وَأَهْلُونَا فَاسْتَغْفِرْنَا  
يَقُولُونَ يَا لَيْسَ بِنَبِيِّهِمْ مَا نَبِئُكَ فِي قُلُوبِهِمْ  
قُلْ فَمَنْ يَمْلِكُ لَكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ  
ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًا بَلْ كَانَ اللَّهُ بِمَا  
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١١﴾

1 Tangan Allah di atas tangan mereka bermaksud suatu penegasan bahawa perjanjian dengan Rasul itu sama dengan perjanjian dengan Allah, seolah-olah tangan Allah itu di atas tangan orang yang berjanji. Maha Suci Allah daripada segala sifat-sifat yang menyerupai makhlukNya, tanpa menafikan adanya sifat tangan yang layak bagi Allah.

Allah adalah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan itu.

12. Bahkan kamu telah menyangka bahawa Rasulullah dan orang yang beriman tidak akan kembali lagi kepada keluarga masing-masing selama-lamanya. Sedangkan sangkaan yang demikian itu dipermain-mainkan (oleh syaitan) di dalam hati kamu dan kamu telah berprasangka dengan sangkaan yang buruk (terhadap agama Allah). Jadilah kamu kaum yang binasa».
13. Dan sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan rasulNya, maka sesungguhnya Kami telah menyediakan bagi orang kafir itu api neraka yang marak menjulang.
14. Dan bagi Allah kuasa pemerintahan langit dan bumi. Dia berkuasa mengampunkan sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dia juga berkuasa untuk mengazab sesiapa yang Dia kehendaki. (Ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
15. Orang yang tidak mengikut berjuang (bersama-sama kamu) akan berkata ketika kamu pergi mendapatkan harta rampasan perang: «Biarkanlah kami mengikut kamu!» Mereka hendak mengubah janji Allah (yang

بَلْ ظَنَنْتُمْ أَنْ لَنْ يَنْقَلِبَ الرَّسُولُ  
وَالْمُؤْمِنُونَ إِلَىٰ أَهْلِيهِمْ أَبَدًا وَرَبُّنَا الَّذِي فِي  
قُلُوبِكُمْ وَظَنَنْتُمْ ظَنَّ السَّوْءِ وَكُنْتُمْ قَوْمًا بُورًا ﴿١٢﴾

وَمَنْ لَمْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ فَإِنَّا أَعْتَدْنَا  
لِلْكَافِرِينَ سَعِيرًا ﴿١٣﴾

وَاللَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَعْفُرُ لِمَنْ  
يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَكَانَ اللَّهُ عَزُومًا  
رَّحِيمًا ﴿١٤﴾

سَيَقُولُ الْمُخَلَّفُونَ إِذَا انْطَلَقْتُمْ إِلَىٰ  
مَعَانِفِ أَسْخُدُوا هَذَا وَرَبُّنَا الَّذِي يَبْدُلُ  
أَنْ يَبْدُلُوا كَلِمَةَ اللَّهِ قُلْ لَنْ تَتَّبِعُونَا كَذَلِكَ  
قَالَ اللَّهُ مِنْ قَبْلُ فَسَيَقُولُونَ بَلْ نَحْسُدُونَ  
بَلْ كَانُوا لَا يَفْقَهُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥﴾

menentukan hanya orang yang hadir di Hudaibiyah sahaja yang berhak mendapat harta rampasan perang itu). Katakanlah (wahai Muhammad): «Kamu tidak dibenarkan sama sekali mengikut kami. Demikianlah Allah menegaskan (larangan itu) sejak dahulu lagi». Mereka pula akan berkata: « Bahkan kamu dengki kepada kami». Bahkan mereka tidak memahami kecuali sedikit sahaja.

16. Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang yang tidak ikut berjuang (bersama-samamu) di kalangan kaum Arab Badwi: «Kamu akan diajak menentang satu kaum yang sangat kuat supaya kamu memeranginya, atau mereka menurut perintah Islam (secara damai). Jika kamu taat, Allah akan mengurniakan kamu dengan ganjaran yang baik, dan jika kamu berpaling seperti keingkaran kamu dahulu, pasti Allah akan mengazab kamu dengan azab yang sangat pedih».
17. Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, orang tempang, dan orang sakit (untuk tidak ikut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan rasulNya, akan dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, dan sesiapa yang

قُلْ لِلْمُحَلِّفِينَ مِنَ الْأَعْرَابِ سِتْرٌ عَوْنٌ إِلَى  
 قَوْمِ أُولَىٰ بِأَسْ سَدِيدٍ يُقْتَلُونَهُمْ أَوْ يَسْلَمُونَ  
 فَإِنْ نَطِيعُوا يُؤْتِكُمْ اللَّهُ أَجْرًا حَسَنًا وَإِنْ  
 تَوَلَّوْا كَمَا تَوَلَّيْتُمْ مِنْ قَبْلُ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا  
 أَلِيمًا ﴿١٦﴾

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ  
 وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
 يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
 وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧﴾

berpaling akan diazab dengan azab yang sangat pedih.

18. Sesungguhnya Allah meredai orang yang beriman, ketika mereka berjanji taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah pohon<sup>(1)</sup>. Maka (dengan itu) ternyata Dia mengetahui apa yang terkandung dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan ketenangan kepada mereka dan memberi balasan dengan kemenangan yang dekat.
19. Dan juga dengan harta rampasan perang yang banyak yang mereka akan dapat mengambilnya. Allah adalah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
20. Allah menjanjikan kepada kamu harta rampasan yang banyak yang kamu akan mengambilnya, maka Dia menyegerakan bagi kamu harta rampasan perang ini<sup>(2)</sup>,

﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ  
تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ  
السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾﴾

﴿وَمَعَانِمْ كَثِيرَةً يُأْخَذُونَهَا وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا  
حَكِيمًا ﴿١٩﴾﴾

﴿وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ كَثِيرَةً يُأْخَذُونَهَا  
فَعَجَّلَ لَكُمْ هَذِهِ وَكَفَىٰ آيَاتِ النَّاسِ  
عِنْدَكُمْ وَلِتُكُونَ آيَةً لِلْمُؤْمِنِينَ وَيَهْدِيَكُمْ  
صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢٠﴾﴾

1 Pada bulan Zulqaedah tahun ke-6 Hijrah, Nabi Muhammad s.a.w berserta pengikut hendak mengunjungi Mekah untuk melakukan umrah dan menziarahi keluarga-keluarga mereka yang telah lama ditinggalkan. Sampai di Hudaibiyah, baginda berhenti dan mengutus 'Uthman bin Affan lebih dahulu ke Mekah untuk menyampaikan maksud kedatangan baginda dan kaum muslimin. Mereka menanti-nanti kepulangan 'Uthman, tetapi beliau tidak juga pulang kerana 'Uthman telah ditahan oleh kaum musyrikin. Kemudian tersebar pula khabar bahawa 'Uthman telah dibunuh. Oleh itu Nabi Muhammad s.a.w mencadangkan agar kaum muslimin melakukan bai'ah (janji setia) kepada baginda. Mereka pun mengadakan janji setia kepada Nabi Muhammad s.a.w bahawa mereka akan memerangi kaum Quraisy bersama-sama Nabi Muhammad s.a.w hingga kemenangan tercapai. Perjanjian setia ini telah diredai Allah s.w.t. sebagaimana tersebut dalam ayat 18 pada surah ini, kerana itu ia disebut Bai'ah Ridwan. Bai'ah Ridwan ini menakutkan kaum musyrikin sehingga mereka melepaskan 'Uthman dan mengirinkan surat untuk mengadakan perjanjian damai dengan kaum muslimin. Perjanjian ini terkenal dengan Sulhul Hudaibiyah.

2 Harta rampasan perang yang disegerakan ini ialah dalam peperangan Khaibar.

serta Dia telah menahan tangan manusia daripada menyerang kamu. (Allah melakukan yang demikian supaya kamu mendapat manfaat) dan menjadi tanda (yang membuktikan kebenaran janjiNya) bagi orang yang beriman serta supaya Dia memberikan kamu hidayah ke jalan yang lurus.

21. Dan ada lagi harta rampasan lain yang kamu belum dapat menguasainya, (tetapi) Allah telah memelihara harta itu dengan kekuasaanNya (untuk kamu mendapatnya). Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
22. Sekiranya orang kafir (daripada penduduk Mekah) itu memerangi kamu (di Hudaibiyah), pasti mereka akan berundur melarikan diri dengan kekalahan, kemudian mereka tidak akan mendapati sesiapa pun yang menjadi pelindung atau penolong.
23. «Sunnatullah»<sup>(1)</sup> yang telah berlaku sejak dahulu lagi, dan engkau tidak akan mendapati sebarang perubahan bagi peraturan Allah itu.
24. Dan Dialah yang telah menahan tangan mereka (yang musyrik) daripada melakukan perkara yang buruk terhadap kamu, dan menahan tangan kamu

وَأُخْرَى لِمَ تَقْدِرُوهَا عَلَيْهِمْ قَدْ أَحَاطَ اللَّهُ بِهَا  
وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٢١﴾

وَلَوْ قَاتَلَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوَلَّوْا الْأَدْبَارَ ثُمَّ  
لَا يَجِدُونَ وِلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٢٢﴾

سُنَّةَ اللَّهِ الَّتِي قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلُ وَلَن يَجِدَ  
لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

وَهُوَ الَّذِي كَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنكَ وَأَيْدِيكَ عَنْهُمْ  
يَبْطِنُونَ مَكَّةَ مِنْ بَعْدِ أَنْ أَظْفَرُوا عَلَيْهِمْ  
وَكَانَ اللَّهُ يَمَّا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٢٤﴾

1 Sunnatullah bermaksud peraturan (ketetapan Allah).



daripada melakukan demikian kepada mereka setelah Dia memenangkan kamu. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

25. Mereka ialah orang yang kafir dan menghalang kamu daripada masuk ke Masjidil Haram (Makkah Al-Mukarramah) serta (menyebabkan) binatang korban (yang kamu bawa) tertahan daripada sampai ke tempat penyembelihannya. Dan jika tidak kerana (kemungkinan kamu akan melakukan pembunuhan yang tidak sengaja terhadap) beberapa orang yang beriman, lelaki dan perempuan, yang ada di antara orang kafir itu, sedangkan kamu tidak mengetahui mereka itu beriman, yang akibatnya kamu akan menanggung kesusahan dan bersedih disebabkan pembunuhan mereka, (tentulah diizinkan kamu menyerang kaum musyrik yang mengancam kamu itu) kerana Allah hendak memasukkan sesiapa yang Dia kehendaki ke dalam rahmatNya. Jika mereka (penduduk Mekah yang beriman dan yang musyrik) itu berpisah (di antara satu puak dengan yang lain), pasti Kami mengazab orang yang kafir di kalangan mereka dengan azab (di dunia) yang sangat pedih.
26. (Ingatlah) ketika orang yang kafir itu menimbulkan perasaan sombong yang ada dalam hati

هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ  
 الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْهَدْيِ مَعْكُوفًا أَنْ  
 يَبْلُغَ مَحَلَّهُمْ، وَلَوْلَا رِجَالٌ مُّؤْمِنُونَ وَبَسَاءٌ  
 مُّؤْمِنَاتٌ لَّمْ تَعْلَمُوهُنَّ أَنْ تَطْفُوهُنَّ فُضِّبَتْكُمْ  
 مِنْهُنَّ مَعْرَةٌ يُبْعَثُ عَلَيْهَا أُيُودٌ لِّئَلَّا يَدْخُلَ اللَّهُ فِي  
 رَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ لَوْ تَرَى إِلَىٰ لَعَذَابُ الَّذِينَ  
 كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ



mereka (terhadap kebenaran Islam) iaitu perasaan sombong secara jahiliyah, lalu Allah menurunkan ketenangan kepada rasulNya dan kepada orang yang beriman (sehingga tercapai perdamaian), serta meminta mereka berpegang teguh kepada «kalimah takwa», sedangkan mereka (di sisi Allah) adalah orang yang sangat berhak dengan «kalimah takwa» itu serta menjadi ahlinya. Dan Allah Maha Mengetahui akan setiap sesuatu.

27. Sesungguhnya Allah tetap membuktikan kebenaran mimpi rasulNya dengan kenyataan yang sebenar iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjidil Haram, insyaAllah dalam keadaan aman dengan mencukur kepala kamu, dan (kalau tidak pun) menggunting rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar). Dia mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya. Maka Dia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu satu kemenangan yang dekat.
28. Dialah yang telah mengutuskan RasulNya (Muhammad, s.a.w) dengan membawa hidayah dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas agama yang

حَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالزَّمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٦١﴾

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ إِنَّا بِالْحَقِّ لَنَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسِكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ ۗ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٦٧﴾

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

lain. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (tentang kebenaran yang dibawa oleh RasulNya itu).

29. Muhammad (s.a.w) ialah Rasulullah dan orang yang bersama-sama dengannya bersikap tegas terhadap orang kafir yang (memusuhi Islam), tetapi mereka bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau memerhatikan mereka sentiasa rukuk dan sujud, dengan mengharapkan kurniaan (pahala) daripada Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda-tanda (kesolehan) mereka kelihatan pada wajah-wajah mereka, kesan daripada sujud.<sup>(1)</sup> Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam kitab Taurat, dan sifat mereka di dalam kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) seperti tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang yang menanamnya agar dapat menimbulkan kemarahan orang kafir (dengan berkembang umat Islam itu). Allah telah menjanjikan kepada orang yang beriman dan melakukan kebaikan di antara mereka, keampunan dan pahala yang besar.

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى  
 الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ  
 فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي  
 وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي  
 التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَرَجٍ أَخْرَجَ  
 شَطْرَهُ وَقَارَهُ فَأَسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ  
 سَوْقِهِ يَعْجِبُ الزُّرَّاعُ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ  
 وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
 مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

1 Pada wajah mereka kelihatan tanda keimanan dan kesucian hati mereka.